

3,731 kes baharu, 15 kematian

Jumlah sembuh harian meningkat sekali ganda dengan 3,369 kes

KUALA LUMPUR

Kes sembuh harian Covid-19 meningkat hampir sekali ganda dalam tempoh 24 jam lepas berbanding Sabtu dengan 3,369 kes direkodkan pada Ahad sementara kes baharu pandemik itu pula ialah 3,731 kes.

Sejumlah 15 kematian akibat Covid-19 dilaporkan menjadikan

jumlah keseluruhan kematian ialah 872 orang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes sembuh daripada Covid-19 di Malaysia kini 190,339 kes manakala jumlah kumulatif kes positif Covid-19 ialah 242,452 kes.

“Jumlah keseluruhan kes aktif Covid-19 dengan kebolehan jangkitan dalam negara pula 51,241 kes,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu, lapan adalah kes import melibatkan empat rakyat Malaysia yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan Covid-19 dalam

negara pula adalah 3,723 kes melibatkan 1,946 warga tempatan.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 292 orang kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 140 daripada mereka memerlukan bantuan alat pernafasan.

“Kes kematian pada Ahad kesemuanya melibatkan warganegara iaitu lapan lelaki dan tujuh wanita berusia 18 hingga 94 tahun dengan 14 daripada mereka berpenyakit,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tujuh kluster baharu dilaporkan



DR NOOR HISHAM

menjadikan jumlah kluster aktif kini ialah 441 dengan 81 daripadanya mencatatkan pertambahan kes.

Beliau berkata, daripada tujuh kluster baharu itu, tiga melibatkan tempat kerja iaitu Kluster Tapak Bina Lembah Selatan dan Kluster Jalan Bagan di Selangor serta Kluster Jalan Gangsa Dua (Johor) manakala dua kluster melibatkan komuniti iaitu Kluster Seruas (Sarawak) dan Kluster Taman Segar (Perak).

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Lorong Mawar di Perak pula melibatkan aktiviti keagamaan dan satu lagi kluster baharu ialah kumpulan berisiko tinggi, Kluster Ampang Campuran di Selangor.

“Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada Ahad adalah Kluster Industri Serkam (246 kes), Kluster Gudang Salak Tinggi (127) dan Kluster Tapak Bina Lembah Selatan (99).

“Jumlah kluster yang telah tamat pula sebanyak 454 kluster termasuk tujuh kluster yang tamat pada Ahad iaitu Kluster Pintu Geng, Kluster Ehsan Ibol, Kluster Persiaran Heights, Kluster Langkasuka, Kluster Wawasan, Kluster Jalan BBN, dan Kluster Texmille,” katanya. - Bernama

